



KURSUS PERTUMBUHAN, PERKEMBANGAN DAN PENJAGAAN KANAK-KANAK

anjuran

**Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia
(MAKPEM)**

**Institut Latihan MAKPEM,
No. 17, Jalan 1/48A,
Bandar Baru Sentul,
51000 Kuala Lumpur.**

**Tel : 03 - 40447640/41
HP : 010 - 2354898
Fax : 03 - 40447705**

**E-mail :
makpem@gmail.com**

**Website :
<http://www.makpem.org.my>**

Matlamat Kursus

Untuk melengkapkan peserta dengan pengetahuan, kemahiran dan teknik dalam pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak serta mewujudkan sikap yang positif bagi membolehkan mereka menjadi penjaga kanak-kanak yang berkesan.

Objektif Kursus

Pada akhir kursus peserta akan :-

- a) Memahami pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak berumur 0 - 18 tahun dan kemahiran menyokong pertumbuhan tersebut;
- b) Memahami, menyedari dan mengenalpasti perubahan dan perkembangan di kalangan kanak-kanak dan menyediakan aktiviti-aktiviti dan kemudahan yang sesuai dan sewajarnya; dan
- c) Merancang dan melaksanakan program-program yang berkesan di Pusat Aktiviti Kanak-kanak atau Rumah Kanak-kanak.

Kandungan Kursus

- | | |
|--|---|
| a) Suaikenal dan Orientasi Kursus | i) Makan dan Pemakanan Kanak-kanak. |
| b) Pertumbuhan dan Perkembangan Kanak-kanak Berumur 0-18 Tahun. | j) Penyakit Berjangkit di Kalangan Kanak-kanak. |
| c) Masalah Tingkahlaku Kanak-kanak Berumur 0 - 18 Tahun. | k) Kemalangan di Rumah dan Pertolongan Cemas. |
| d) Peranan Bermain dan Aktiviti Kumpulan Dalam Perkembangan Kanak-kanak. | l) Langkah-langkah Keselamatan dan Pencegahan Api di Rumah. |
| e) Aktiviti Kreatif Untuk Kanak-kanak. | m) Lawatan Sambil Belajar ke Pusat Aktiviti/Rumah Kanak-kanak. |
| f) Peranan dan Tanggungjawab Pengasuh Kanak-kanak. | n) Aktiviti Kumpulan: Perbincangan Penyediaan dan Penyampaian Laporan Kumpulan; dan |
| g) Pengurusan Pusat Aktiviti/Rumah Kanak-kanak. | o) Rumusan dan Penilaian. |
| h) Merancang Jadual Harian Untuk Pusat Aktiviti/Rumah Kanak-kanak. | |

Peserta

Peserta kursus adalah terdiri daripada Pegawai, kakitangan serta Sukarelawan Pertubuhan Kebajikan Sukarela, Kakitangan Institusi Kebajikan Kanak-kanak dan Remaja, Ahli Briged Kebajikan, Sukarelawan Pusat Aktiviti Kanak-kanak.

Jangkamasa Kursus

- i) Jangkamasa setiap kursus adalah lima (5) hari termasuk kuliah-kuliah waktu malam; sekiranya perlu.
- ii) Dipecahkan kepada Bahagian 1 (2 hari) dan Bahagian 2 (3 hari). Peserta yang sama mesti mengikuti kedua-dua bahagian dan sijil penyertaan hanya akan diberi pada pada hari terakhir Bahagian 2.

Sijil

Semua peserta yang telah berjaya mengikuti semua sesi kuliah dan latihan amali akan diberi sijil penyertaan oleh Institut Latihan MAKPEM.

Kemudahan

Kursus-kursus ini akan diadakan di Institut Latihan MAKPEM, Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur. Kemudahan makan minum dan tempat tinggal di Asrama Institut Latihan adalah disediakan.

Yuran Pendaftaran

Tiada.